

UTM juara Liga Bola Jaring IPT

UNIVERSITI Teknologi Malaysia (UTM) muncul juara sulung Liga Bola Jaring IPT 2013 selepas menjinakkan Universiti Putra Malaysia (UPM) 38-26 pada aksi final di Dewan Serbaguna Pusat Sukan, Universiti Malaya, semalam.

Kejayaan itu membolehkan UTM menerima Piala KSU-KPT serta hadiah wang tunai RM5,000, selain turut menyaksikan pemain mereka, Fazira Mesnan diumumkan sebagai Pertahanan Terbaik.

Sumbangan 32 mata daripada penjaring utama UTM, Nur Ezzani Mohd Noor, sudah cukup untuk menenggelamkan kehebatan penyerang UPM, Nur Ain Omar yang diumumkan sebagai Penjaring Terbanyak dengan 180 mata secara keseluruhan.

Dalam aksi final, saingan berlangsung sengit pada suku pertama dengan kedudukan 10-6, namun kutipan 10 mata secara konsisten pada tiga suku pertama membolehkan UTM membuka jurang kelebihan.

Sementara itu, Universiti Teknologi Mara (UiTM) menewaskan Universiti Malaya 34-21 bagi perebutan tempat ketiga dan keempat.

Keputusan lain:

Penjaring Terbanyak: **Nur Ain Omar (UPM)**

Pertahanan Terbaik: **Fazira Mesnan (UTM)**

Pemain Terbaik: **Rozliana Mohd Ridwan (UiTM)**

Pemain Muda Harapan: **Lim Mun Yee (UM)**